

31 OCT 1996

CEPA, SATU USAHA NIAGA BAIK YANG TERLEPAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pembubaran cadangan pemilikan Consolidated Electric Power Asia Ltd di Hong Kong oleh YTL Corporation Bhd "sebagai satu usaha niaga baik yang telah terlepas."

Khazanah Nasional Bhd, bahagian pelaburan Kementerian Kewangan, telah bersetuju untuk mengadakan pinjaman RM2.5 bilion kepada YTL Corporation untuk membiayai sebahagian daripada pembelian syarikat Hong Kong itu.

Dr. Mahathir berkata beliau setuju dengan pendapat penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin, bahawa kerajaan Malaysia bukanlah bodoh seperti yang dianggap oleh sesetengah pihak kerana ia telah menjalankan kajian mendalam sebelum menjanjikan dana Khazanah Nasional untuk membantu YTL Corporation membeli Cepa.

Rancangan awal ialah untuk memiliki Cepa dan membawanya ke Malaysia sebagai sebuah syarikat Malaysia yang terlibat dalam berbagai aspek penjanaan kuasa di Asia, tambahanya.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berkata persoalan mengenai pengaliran keluar dana untuk pembelian itu tidak timbul sama sekali.

Khazanah Nasional telah mengambil pendirian berhati-hati mengenai perkara itu dengan memberi persetujuan untuk, buat permulaan, mengadakan pinjaman.

Beliau berkata terdapat kemungkinan bahawa pinjaman itu kemudiannya boleh ditukar menjadi ekuiti dan Khazanah Nasional akan menjadi pemegang saham besar dalam sebuah syarikat penjanaan kuasa yang utama di Asia.

Yang turut dikaitkan kepada usaha niaga itu, tambahanya, ialah kemungkinan bagi Khazanah mengambil kepentingan saham dalam YTL Corporation.

Khazanah Nasional boleh, melalui satu tindakan sahaja, menguasai industri kuasa meliputi kawasan yang luas di Asia.

"Agak malang sekali usaha niaga itu tidak berhasil," kata Perdana Menteri.

Ditanya jika Khazanah Nasional sedang mencari usaha niaga lain, Dr Mahathir menjawab: "Bila saya masih kecil, ibu saya pernah berkata bahawa 'Bila anda keluar, selalu membawa duit syiling satu sen kerana anda tidak akan tahu mungkin terdapat seekor gajah yang hendak dijual untuk satu sen dan anda tidak mempunyai satu sen.' Saya tidak akan lupa nasihat ibu yang amat baik ini."

Ditanya sama ada Khazanah Nasional akan menyokong satu lagi percubaan YTL untuk menguasai CEPA, Dr Mahathir berkata ia sudah terlambat.

Beliau berkata usaha niaga itu gagal bukan kerana kritikan daripada pihak-pihak tertentu di Malaysia tetapi atas ketidakupayaan Gordon Wu, pemegang saham majoriti dalam Hopewell Holdings Ltd, yang memiliki 60 peratus ekuiti CEPA, untuk memberi jaminan bahawa pemegang-pemegang saham Hopewell akan menyokong usaha niaga itu.

Bila Wu tidak dapat memberi jaminan, usaha niaga itu terpaksa dibatalkan kerana Khazanah Nasional perlu melindungi kepentingan kewangannya, tambah beliau.

Menyentuh kritikan terhadap usaha untuk memiliki CEPA, Dr Mahathir berkata beliau mendengar banyak kritikan tentang sama ada terdapat keperluan untuk ini atau itu.

Katanya jika dia mengikuti kehendak setiap kritikan, maka mungkin tidak akan wujud Menara KL atau menara kembar Petronas.

Kerajaan Malaysia akan mempunyai peluang-peluang lain, katanya dan menyebut pemilikan Lotus Group International Ltd oleh Proton sebagai satu peluang bagi pembuat kereta nasional itu untuk memiliki teknologi dan kemahiran kejuruteraan yang unik daripada sebuah syarikat kejuruteraan automotif antarabangsa yang begitu terkenal.

Beliau berkata bahawa beliau mengetahui tentang usaha pemilikan itu kira-kira tiga bulan lalu.

"Saya tahu semuanya tetapi saya tidak perlu memberitahu pihak media. Ia bukan kerana rahsia. Bila mereka (Proton dan Lotus) sedang berunding, kita tidak boleh membuat sebarang pengumuman," tambahnya.

Beliau berkata Lotus bukanlah sebuah syarikat yang kerugian tetapi tuannya yang berbangsa Itali, Romano Artioli, yang juga terlibat dalam projek kereta Bugatti, terpaksa menjual Lotus untuk mengumpul dana bagi menyelamatkan Bugatti. -- BERNAMA

SHY SIA